

# 77 SAKJ terbengkalai siap Jun 2017

Pembinaan semula, pengambilalihan projek pembangunannya dilakukan oleh anak syarikat kerajaan Johor

**BATU PAHAT** - Sebanyak 77 Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dijangka siap dan boleh digunakan pada Jun 2017 setelah terbengkalai sebelum ini.

Pembinaan semula dan pengambilalihan projek pembangunannya dilakukan oleh anak syarikat kerajaan Johor, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (Maij) dan Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (Upen).

Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Abdul Mutalip Abdul Rahim berkata, bagi memaklumkan pengambilalihan itu, satu majlis penyerahan kunci telah diadakan di Dewan Tunku Mahkota Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Menurutnya, terdahulu pembangunan untuk membina semula sekolah yang terbengkalai ini telah bermula se-

jak Oktober 2015, dan secara keseluruhan kesemua sekolah yang terbengkalai ini dijangka siap dalam masa 18 bulan dari tarikh mula pembinaannya.

"Sehingga 30 September 2016, sebanyak 38 sekolah telah siap secara fizikal, 38 sekolah lagi telah menerima bekalan air dan 42 sekolah yang lain pula telah dilengkapi dengan kemudahan elektrik.

"Manakala pada penghujung Disember nanti, dijangka sebanyak 27 sekolah siap secara fizikal dan pihak KPRJ akan terus memastikan semua sekolah ini akan siap mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Pada kali ini, KPRJ akan menyerahkan kunci sekolah berkenaan kepada Maij dan ia melibatkan 13 sekolah di daerah Johor Bahru, Tangkak, Muar dan Segamat," katanya semasa Majlis Penyerahan Kunci Projek Pembangunan SAKJ,

di UTHM, semalam.

Tambahnya, majlis penyerahan kunci SAKJ ini adalah kali ketiga dan ia menunjukkan KPRJ telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyiapkan sekolah yang terbengkalai sebelum ini.

Katanya, sehingga kini kerja menyiapkan keseluruhan sekolah yang terbengkalai ini telah melepasi sasaran awal iaitu 69.9 peratus berbanding sasarannya 57.3 peratus sahaja.

"Saya berharap perkembangan positif ini akan terus dapat dikekalkan supaya kepayahan anak-anak Johor selama ini yang tidak mempunyai sekolah sendiri untuk menuntut ilmu akan berakhir.

"Kita juga berbangga dengan siapnya sekolah itu akan mampu melahirkan lebih ramai cendekiawan yang memberi pulangan modal insan kepada kerajaan negeri," katanya.



Abdul Mutalip (kanan) ketika majlis penyerahan kunci 13 SAKJ yang telah siap kepada wakil daripada Maij di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM.